



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PERANAN BIRO BANTUAN GUAMAN DI DALAM  
USAHA UNTUK MENANGANI PERMASALAHAN UMAT ISLAM. SATU  
KAJIAN DI PERAK

ZURAI DAH BINTI AYO B

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
SYARAT-SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI DIPLOMA  
UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN  
KEHAKIMAN ISLAM

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA  
GOMBAK

SESI 96/97

## PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil  
kerja saya kecuali nukilan  
dan ringkasan yang  
setiap satunya telah  
saya jelaskan sumbernya”

Tarikh

28 Ogos 1997



---

ZURAIDAH AYOB  
(G9510953)

### Abstrak

*Keseluruhan kertas projek menyentuh tentang peranan Biro Bantuan Guaman dan kaitannya dengan Mahkamah Syariah, khususnya di negeri Perak. Ia membicarakan mengenai sejarah awal penubuhan Biro Bantuan Guaman hingga kini, matlamat dan kelayakan-kelayakan tertentu untuk mendapatkan khidmat daripada Biro tersebut. Selain dari itu, ia juga dikaitkan dengan Mahkamah Syariah, terutamanya di dalam masalah kekeluargaan Islam. Seterusnya, perkara-perkara lain yang ditekankan ialah mengenai kebaikan, kekurangan dan rancangan masa depan pihak Biro untuk meluaskan lagi rancangan masa depan yang akan dilalui oleh pihak Biro untuk meluaskan lagi perkhidmatan keseluruhan. Hasil daripada keseluruhan kajian, penulis mendapati masih ada kelemahan-kelemahan tertentu yang perlu diperbaiki oleh pihak Biro supaya perkhidmatannya akan dapat memuaskan semua pihak yang terlibat.*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmatnya, penulis berjaya menyiapkan Kertas Projek ini di bawah tajuk : PERANAN BIRO BANTUAN GUAMAN DI DALAM MENYELESAIKAN PERMASALAHAN UMAT ISLAM. SATU KAJIAN DI PERAK.

Pada kesempatan ini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada yang berbahagia Dr. Abdul Aziz Bari selaku penyelia yang telah banyak meluangkan masa serta memberi bimbingan dan tunjuk ajar di sepanjang penulisan ini.

Kepada semua pendidik, khususnya para pensyarah yang terlibat di dalam Kursus Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, jutaan terima kasih atas segala bimbingan dan ilmu yang sangat berguna.

Demikian juga kepada kakitangan Biro Bantuan Guaman Ipoh, Perak khususnya Puan Nurul Huda Nuraini bt. Mohd. Noor selaku Pegawai Syariah di Biro Bantuan Guaman yang telah banyak memberi kerjasama dalam menjayakan penulisan ini.

Buat keluarga, terutamanya abah dan emak, hanya Allah yang dapat membalas segala pengorbanan dan kasih sayang yang telah dicurahkan.

Kepada teman-teman seperjuangan:Ma, kak Mi, Piah dan Epa, kenangan bersama tetap segar dalam ingatan.

Akhirnya, teristimewa buat suami yang tersayang, terima kasih yang tidak terhingga di atas segala dorongan, sokongan dan kerjasama yang diberikan.

Zuraidah bte Ayob  
153, Sari 26,  
Taman Cempaka,  
31400 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

Kulliyah Undang-undang  
Universiti Islam Antarabangsa,  
Gombak,  
Selangor Darul Ehsan

## Senarai Jadual Transliterasi

Abjad	Sebutan Arab	Transliterasi
ا	(alif)	a
ب	(ba <sup>ˀ</sup> )	b
ت	(ta <sup>ˀ</sup> )	t
ث	(tha)	th
ج	(jim)	j
ح	(ha <sup>ˀ</sup> )	h
خ	(kha <sup>ˀ</sup> )	kh
د	(dal)	d
ذ	(dhal)	dh
ر	(ra <sup>ˀ</sup> )	r
ز	(zay)	z
س	(sin)	s
ش	(shin)	sh
ص	(sad)	ṣ
ض	(dad)	ḍ
ط	(ta <sup>ˀ</sup> )	ṭ
ظ	(za <sup>ˀ</sup> )	ẓ
ع	(‘ayn)	c
غ	(ghayn)	gh
ف	(fa <sup>ˀ</sup> )	f
ق	(qaf)	q
ك	(kaf)	k
ل	(lam)	l
م	(mim)	m
ن	(nun)	n
و	(waw)	w
هـ	(ha <sup>ˀ</sup> )	h
عـ	(hamzah)	,
ي	(ya <sup>ˀ</sup> )	y
ة	(ta <sup>ˀ</sup> marbutah)	h(ketika dimatikan bunyinya) ḥ(ketika perlu dihidupkan bunyinya)

## Vokal Panjang

Di atas

آدَمُ Adam

صَفَا Şafā

Di bawah

إِلَّا ilā

قِيلَ qila

Di hadapan

أُولَى ūla

سُورَةَ surah  
surat

## Diftong

( ي ا )

أَيْنَ ayna

بَيْنَ bayna

قُضَى Quşay

( و ا )

أَوْلَى awla

مَوْلَى mawla

لَوْ law

SENARAI STATUT

Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1987

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perak 1984

SENARAI KES YANG DISEBUT

Aznor Bt. Naraway lwn Ahmad Teridi b. Shahudin	Kes Mal Bil : 12/96
Imah bt. Tan lwn Hasnan b. Hassan	Kes Mal Bil : 237/95
Norhaslinda Bt. Shafie lwn Mohd Redzuan Pietro b. Abdullah	Kes Mal Bil : 12/96
Rosmawati bt. Shamsudin lwn Tajul Rosli b. Ahmad	Kes Mal Bil : 8/96
Yom Chek bt. Meor Idris lwn Ahmad b. Alang Shariff Esah Bt. Alang Shariff & Hasan b. Nordin	Kes Mal Bil : 45/96



## SINGKATAN

Bil.	Bilangan
Dr.	Doktor
Hb.	Haribulan
hlm.	Halaman
s.a.w.	Sallallah <sup>ḥ</sup> alāihi al salām
t.t.	Tanpa Tarikh
t.p.	Tanpa Penerbit
Per.	Perkara
Ibid.	(di tempat yang sama)
Cet.	Cetakan
Sek.	Seksyen

## DAFTAR KANDUNGAN

### SENARAI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

Halaman Judul	i
Pengakuan	ii
Abstrak	iii
Penghargaan	iv.
Transliterasi	v, vi
Statut	vii
Senarai Kes	viii
Singkatan	ix
Daftar Kandungan	x,xii,xiii
Pendahuluan	xiv

BAE 1

Pengenalan

Sejarah Penubuhan Biro Bantuan Guaman

Objektif, Fungsi dan Bidangkuasa

Kelayakan Untuk Mendapatkan Bantuan Biro Bantuan Guaman

Prosedur Untuk Mendapatkan Bantuan Biro Bantuan Guaman

Kesimpulan

## **BAB 11 HUBUNGAN ANTARA BIRO BANTUAN GUAMAN DAN MAHKAMAH SYARIAH**

### **Biro Bantuan Guaman dan Mahkamah Syariah**

Kes-kes Yang Dipertanggungjawabkan Oleh Mahkamah Syariah kepada Biro Bantuan Guaman,

- Kes Perceraian
- Kes Haqanah
- Kes Harta Sepencarian
- Kes Muta<sup>c</sup> ah
- Kes Nafkah

## **BAB III FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN BIRO BANTUAN GUAMAN DAN KELEMAHANNYA**

### **Faktor-faktor kejayaan**

- Penubuhan Klinik Perkhidmatan Biro Bantuan Guaman
- Kerjasama Daripada Orang Ramai
- Hubungan Baik Di antara Biro Bantuan Guaman dan Mahkamah Syariah
- Kemudahan Perpustakaan Sebagai Sumber Rujukan

### **Faktor-faktor Kelemahan**

- Wujud Beberapa Masalah Di dalam Prosedur Perbicaraan
- Masalah-masalah Yang Berpunca Daripada Yang Kena Tuntut
- Kedudukan Pegawai Biro Bantuan Guaman
- Kurang Maklumat tentang Biro Bantuan Guaman Dan Kedudukannya Yang Tidak Strategik

BAB 1V      LANGKAH-LANGKAH DAN CADANGAN BAGI  
MENGATASI KELEMAHAN

-Pendahuluan

-Mengadakan Sesi Penerangan Akar Umbi

-Menempatkan Biro Bantuan Guaman Di dalam Bangunan Gunasama

-Mempertingkatkan Imej Pegawai Biro Bantuan Guaman

-Peranan Media Massa

-Kesimpulan dan Penutup

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

## PENDAHULUAN

Bidang kajian ini adalah meliputi keseluruhan sejarah Biro Bantuan Guaman dari awal hingga kini, peranan yang dimainkan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas Biro. Penulis banyak memfokuskan kajian kepada Biro Bantuan Guaman Ipoh, Perak terutamanya di dalam penganalisaan kes-kes yang dikendalikan.

Matlamat utama kajian ialah untuk meninjau sejauhmana keberkesanan Biro dari segi kejayaannya menyelesaikan masalah-masalah di dalam masyarakat Islam, khususnya di negeri Perak.

Dalam penulisan ini, penulis akan menggunakan beberapa kaedah atau teknik, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer meliputi beberapa kaedah, antaranya menemubual pihak-pihak yang terlibat di dalam kajian ini.

Manakala data sekunder pula meliputi perkara-perkara seperti menggunakan sumber-sumber dokumentari. Kaedah ini mengutamakan penyelidikan di tempat kajian, di mana penulis akan memerhatikan beberapa ketika semasa di Biro terhadap cara kakitangan bekerja, cara mereka melayan pelanggan dan seterusnya suasana persekitaran yang terdapat di pejabat Biro.

Penulis juga akan menggunakan perkhidmatan di beberapa buah perpustakaan seperti perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Akhirnya, diharapkan agar usaha yang kecil ini sedikit sebanyak dapat memberikan manfaaat serta gambaran kepada kita semua, insyaallah.

# BAB 1

## BAB 1

### BIRO BANTUAN GUAMAN

#### PENGENALAN

Setiap orang mempunyai hak yang sama di sisi undang-undang. Kita mendapati bahawa salah satu daripada undang-undang utama bagi negara demokratik yang berpandukan kepada hukum undang-undang ialah wujud keadilan sama rata di kalangan yang kaya dan miskin<sup>1</sup>. Prinsip ini juga terdapat di bawah perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan<sup>2</sup>. Walau bagaimanapun, seringkali konsep ini tidak ada keberkesanan sepertimana yang diharapkan. Walaupun kita lihat pada zahirnya pelaksanaan undang-undang itu sama rata di antara yang kaya dengan yang miskin, namun terdapat perbezaan dari segi kesan yang dirasainya.

Salah satu jalan untuk membolehkan keadilan sama rata ialah dengan membentuk suatu siasatan yang boleh mengadakan perkhidmatan

---

1.

Cik Noor Faridah Ariffin, Pengarah Biro Bantuan Guaman (BBG), Kertas Kerja bertajuk "Bantuan Guaman", *Seminar Wanita dan Undang-undang*, anjuran persatuan Universiti Malaya, 26hb. Ogos, 1981, hlm. 1 (Bukan lagi pengarah BBG).

2.

Perlembagaan Persekutuan, Per 3(1), Legal Research Board, KL:ILBS, 1987, hlm. 8

guaman percuma atau murah bagi golongan miskin dan buta huruf, dan jika perlu mewakili mereka di mahkamah. Sistem ini dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman<sup>3</sup>. Ia merupakan satu cara bagi golongan yang tidak berdaya dari segi kewangan dan pengetahuan supaya mendapat pembelaan di sisi undang-undang, setaraf dengan orang yang berkemampuan.

Golongan yang paling menyambut baik khidmat secara percuma ialah terdiri daripada kalangan suri rumahtangga yang terbukti tidak berkemampuan, sebaliknya menghadapi masalah yang besar mengenai perceraian dan tuntutan nafkah dari suami masing-masing. Di dalam hal ini, pihak Biro mempunyai kaitan dengan Mahkamah Syariah secara tidak langsung.

Memandangkan kepada kepentingan inilah, penulis ingin memberi gambaran yang jelas tentang tugas-tugas yang dijalankan oleh Biro Bantuan Guaman kepada orang yang tidak mampu. Di samping itu juga, untuk mengetahui sejauh manakah hubungan di antara Biro Bantuan Guaman dengan Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan kes yang melibatkan orang Islam serta tahap keberkesanan, kelemahan dan cara-cara mengatasi supaya mutu perkhidmatan akan lebih meningkat dan dapat memuaskan hati semua pihak.

---

3.

Biro Bantuan Guaman, Buku Rasmi Tahunan Selepas 25 tahun, t.p., Kuala Lumpur, 1981, hlm 16.



## SEJARAH PENUBUHAN BIRO BANTUAN GUAMAN

Biro Bantuan Guaman ditubuhkan pada bulan September 1970 dengan objektif untuk memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman mengenai isu undang-undang khususnya untuk orang miskin. Penubuhannya telah difikirkan sejak tahun 1954 lagi, tetapi langkah serius telah diambil pada tahun 1960 ekoran atau hasil daripada surat yang ditulis oleh 'Orthopaedic Almoner' yang ditempatkan di Hospital Besar, Kuala Lumpur yang meminta supaya pesakit yang mendapat 'residual disabilities' yang teruk di mana bayaran pampasan boleh diberikan jika pesakit tersebut diwakili dari segi undang-undang<sup>4</sup>.

Beberapa pertubuhan wanita telah mendesak kerajaan untuk membantu wanita dan kanak-kanak dalam tuntutan nafkah terhadap suami dan penjagaan kanak-kanak. Pada masa itu, nasihat dan bantuan guaman yang diberikan hanyalah meliputi kes-kes berikut sahaja:

- (i) Kakitangan kerajaan di dalam kes-kes perbicaraan yang berkaitan dengan tugas rasmi mereka (melalui Kaedah-kaedah Pegawai Awam, Perintah Am Bab 'D', 1969)<sup>5</sup>

---

4.

Biro Bantuan Guaman, Buku Rasmi Tahunan Selepas 25 tahun, t.p., Kuala Lumpur, 1981, hlm 25.

5.

Ibid.

- (ii) Orang-orang miskin dalam “in forma pauperis” melalui Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi, 1980 dan
- (iii) Yang dituduh atas kesalahan jenayah melibatkan hukum bunuh (melalui Kanun Acara Jenayah)<sup>6</sup>.

Pada bulan Oktober tahun 1969, perkara ini telah dirujuk kepada Peguam Negara dan beliau telah menyokong saranan ini. Beliau telah merujuk kepada Kementerian Keadilan yang selanjutnya meminta nasihat Majlis Peguam. Badan ini juga menyokongnya. Kemudiannya, satu jawatankuasa dibentuk untuk mengkaji perkara ini dan selepas itu, satu rancangan ‘pilot’ telah dilancarkan pada bulan September 1970 dari segi bantuan guaman dan nasihat sahaja. Sejumlah wang RM100,000 diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Oleh yang demikian dan disebabkan jumlah tabungan yang terhad, adalah difikirkan perlu bidangkuasanya dihadkan kepada prosiding-prosiding tertentu sahaja. Keutamaan diberikan kepada kes-kes kekeluargaan kerana ia merupakan kes terbesar yang memerlukan bantuan segera seperti kes-kes tuntutan nafkah, penguatkuasaan perintah nafkah dan lain-lain<sup>7</sup>.

---

6. Biro Bantuan Guaman, Buku Rasmi Tahunan Selepas 25 tahun, t.p., Kuala Lumpur, 1981, hlm 25.

7. *Ibid*, hlm. 27.

Pada mulanya, Biro diletakkan di bawah Jabatan Peguam Negara dan dengan tertubuhnya Kementerian Undang-undang dalam tahun 1985, ianya diletakkan di bawah Kementerian tersebut sehingga Mei 1995 apabila kementerian tersebut dimansuhkan dan kini di bawah bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri <sup>8</sup>.

Pada awal penubuhannya, iaitu pada tahun 1970, perkhidmatan yang diberikan hanyalah terhad kepada perkara-perkara berhubung prosiding sivil iaitu nafkah, jagaan anak, perceraian dan harta sepencarian di Mahkamah Syariah di mana sebarang orang atau peguam yang diberikan kuasa untuk membicarakan kes tersebut selain daripada bidang kuasa sivil atau lain-lain. Bagaimanapun, pindaan kepada jadual telah dibuat pada tahun 1973 memasukkan bidangkuasa jenayah di mana Biro boleh membicarakannya. Selanjutnya pada tahun 1982, perwakilan undang-undang telah diperluaskan kepada perkara-perkara berkaitan prosiding jenayah di bawah Ordinan Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947 (kini diganti oleh Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991) dan prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan Kecil 1955 <sup>9</sup>.

Pindaan selanjutnya kepada peruntukan Akta dilakukan pada tahun 1984, di mana antara lain ialah menghadkan kelayakan seseorang pemohon boleh dinaikkan supaya lebih ramai lagi pemohon layak mendapat bantuan guaman, diikuti dengan

---

8. Biro Bantuan Guaman, Buku Rasmi Tahunan Selepas 25 tahun, t.p., Kuala Lumpur, 1981, hlm 27.

9. Ibid.

pindaan terakhir pada tahun 1995, di mana di antara lain, melibatkan pindaan yang agak besar berhubung had kelayakan pemohon. Dengan demikian, Biro dapat mempertingkatkan akses kepada keadilan yang diperlukan rakyat<sup>10</sup>.

#### KEDUDUKAN MASA KINI

Biro Bantuan Guaman ialah satu konsep yang tidak statik. Dulu, ia menyediakan nasihat dan perwakilan guaman kepada mereka yang tidak mampu mendapatkan perkhidmatan guaman. Walau bagaimanapun, ini tidak dapat menyelesaikan masalah untuk mendapatkan hak keadilan. Biro mesti ditumpukan kepada segolongan besar mereka yang kurang bermasib baik yang begitu memerlukan perkhidmatan guaman<sup>11</sup>.

Satu skema Biro yang komprehensif mestilah mampu menyediakan bantuan kepada mereka yang miskin dan memerlukan perwakilan dalam pelbagai perkara sivil dan jenayah kerana akses kepada perwakilan guaman perlu di dalam semua aspek undang-undang. Yang kena tuduh boleh dibebaskan jika beliau diwakili oleh peguam manakala plaintif dan defendan dalam kes sivil mungkin dapat menegakkan hak dan pembelaan masing-masing<sup>12</sup>.

---

10.

Biro Bantuan Guaman, Buku Rasmi Tahunan Selepas 25 tahun, t.p., Kuala Lumpur, 1981, him 27.

11.

Ibid.

12.

Ibid.

Kini, disebabkan perkembangan pesat yang dilaluinya, Biro Bantuan Guaman dan Nasihat Guaman Bergerak telah dilancarkan secara berterusan di kawasan pedalaman di setiap negeri dan menyediakan akses sebagai langkah untuk mendampingi masyarakat. Selanjutnya, pada tahun 1994, Biro telah maju selangkah lagi bila Pegawai Syariah telah ditempatkan di jabatan ini bagi membantu Pengarah mengendalikan kes di Mahkamah Syariah. Ini bertujuan bagi memastikan supaya mutu perkhidmatan yang diberikan adalah tinggi. Dengan itu, pemohon mendapat faedah sepenuhnya daripada kemahiran dan kepakaran pegawai syariah<sup>13</sup>.

Bagi meningkatkan lagi profesionalisme pegawainya, pihak pengurusan tidak hanya mengadakan kursus, latihan ceramah dan seminar jabatan dari masa ke semasa, tetapi langkah juga telah dan sedang diambil untuk menaikkan gred jawatan Penolong Pengarah yang ditempatkan sebagai ketua cawangan untuk memastikan bahawa mereka yang berpengalaman saja yang ditempatkan sebagai ketua di cawangan-cawangan Biro<sup>14</sup>.

Untuk menyesuaikan dengan perubahan dan keadaan semasa, Akta Bantuan Guaman telah dipinda beberapa kali terutamanya berkaitan dengan kelayakan pemohon untuk mendapat bantuan guaman dan kes-kes yang baru ini diluluskan dan

---

13. Biro Bantuan Guaman, Buku Rasmi Tahunan Selepas 25 tahun, t.p., Kuala Lumpur, 1981, hlm. 27.

14. Ibid.

dikuatkuasakan pada 17hb. Februari, 1995 yang lalu di mana ramai lagi layak mendapatkan bantuan<sup>15</sup>.

Bersesuaian dengan lokasi atau tempat di mana kajian ini dilakukan iaitu di Ipoh, eloklah juga dicatatkan mengenai sejarah penubuhan Biro Bantuan Guaman Ipoh, Perak yang telah ditubuhkan pada 15hb. Oktober, 1976. Penolong pertamanya ialah Encik Zakaria b. Sam. Lokasi pertamanya ialah di Tingkat Atas, bangunan Pejabat Tanah, Jalan Douglas Ipoh, Perak. Jumlah kakitangan ketika itu adalah seramai 7 orang, namun kini, ia meningkat kepada 11 orang. Penolong pengarah terkini ialah Puan Nurul Huda Nuraini bt. Abdul Hamid<sup>16</sup>.

#### OBJEKTIF, FUNGSI DAN BIDANGKUASA

1. Biro Bantuan Guaman telah ditubuhkan pada bulan September, 1970 dan objektifnya ketika itu dan kini ialah untuk memberi bantuan perundangan kepada mereka yang tidak berkemampuan.

---

15.

Biro Bantuan Guaman, Buku Rasmi Tahunan Selepas 25 tahun, t.p., Kuala Lumpur, 1981, hlm. 27.

16.

Temubual dengan salah seorang kakitangan Biro Bantuan Guaman Ipoh, Perak pada 24hb.Mei, 1997.

2. Fungsi-fungsinya :

- (a) Memberi nasihat undang-undang di dalam perkara undang-undang;
- (b) prosiding Mahkamah dalam perkara-perkara yang di dalam bidanguasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

3. Bidanguasa

JADUAL KEDUA (Seksyen 10)

Perihal Pembicaraan Jenayah.

- (i) Semua perbicaraan jenayah di mana yang dituduh (YDT) tidak diwakili oleh peguam mengaku salah kepada tuduhan atau ingin untuk meringankan hukuman berkenaan dengannya;
- (ii) Pembicaraan jenayah di bawah Akta Perlindungan kanak-Kanak 1991 (Akta 468);
- (iii) Pembicaraan jenayah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil 1955 (Akta 336)<sup>17</sup>.

---

17.

Kementerian Undang-undang dan Kehakiman Malaysia, Risalah Biro Bantuan Guaman, t.p., t.t., hlm. 1

## JADUAL KETIGA (Seksyen 12)

### Perihal Pembicaraan Sivil

- (i) Pembicaraan di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 (Akta 263);
- (ii) Pembicaraan di bawah Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949 untuk perintah sementara (Akta 34);
- (iii) Pembicaraan di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah), 1968 (Akta 356);
- (iv) Pembicaraan berhubung dengan nafkah, jagaan, perceraian dan harta sepencarian dalam mahkamah yang mentadbirkan hukum syarak;
- (v) Hak-hak dan tanggungan di bawah Akta Penanam padi (mengawal sewa dan menjamin pemegang) 1967 (Akta 43);
- (vi) Hak-hak dan tanggungan di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)<sup>18</sup>;

---

18.

Kementerian Undang-undang dan Kehakiman Malaysia, Risalah Biro Bantuan Guaman, t.p., t.t., hlm. 3.